

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned below the text.

CREATE

e-newsletter

CITREX hasilkan 401 produk suburkan budaya

Pertandingan *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition* (CITREX) 2020 yang masuk edisi ke-10 diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai medan galakan dan penyuburan budaya inovasi dalam kalangan mahupun mahasiswa bukan sahaja dari UMP malahan termasuk penyelidik dalam Rangkaian Universiti Teknologi MARA, Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan institusi pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara.

Pertandingan yang berlangsung pada 12 dan 13 Februari 2020 itu menyaksikan sebanyak 401 penyertaan bagi kategori sekolah rendah dan sekolah menengah.

Inisiatif ini mendukung aspirasi universiti untuk memasyarakatkan teknologi menerusi galakan terhadap per

Sebanyak 218 penyertaan membabitkan staf UMP, lapan penyertaan RTUM, empat Universiti Awam (UA) Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) juga Univ

Lain-lain adalah penyertaan pelajar UMP seramai 129 dan 40 penyertaan daripada pelajar Sekolah Menen

Turut berlangsung pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan NanoMalay universiti dengan PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd. (PlaTCOM) berkaitan penggalakan aktiviti pengkomersia antarabangsa yang berpusat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Majlis menyaksikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Pegawai Eksekutif NanoMalaysia, Dr. Rezal Khairi Ahmad manakala pihak PlaTCOM diwakili oleh Muhammad Ridwan dan Pegawai Eksekutif syarikat berkenaan.

Hadir menyaksikan majlis Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Antarabangsa), Dato' Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Hainin.

16 mahasiswa baharu terima Insentif Pendidikan Yayasan UMP

Seramai 16 mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang hadir dalam sesi pendaftaran semesta ini layak menerima Skim Bantuan Insentif Pendidikan Yayasan UMP sebanyak RM1,000 setiap seorang yang telah bersedia dan siap sedia mendaftar.

Mereka yang terpilih ini adalah antara 438 mahasiswa yang mendaftar bagi kemasukan ambilan kedua UMP di kampus UMP di Gambang dan Pekan pada 7 Februari 2020 yang lalu.

Hadir menyampaikan sumbangan adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan manakala di UMP Kampus Gambang serahan disampaikan Dekan Perkhidmatan dan Alumni, Profesor Madya Dr. Mansor Sulaiman di Pejabat Kolej Kediaman Kedua.

Menurut Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli, skim bantuan Insentif Pendidikan UMP ini merupakan usaha Yayasan UMP untuk membantu daripada keluarga kurang berkemampuan (B40) bagi meringankan beban keluarga serta mahasiswa dalam menghadapi pandemik COVID-19.

“Bagi yang menerima insentif ini mereka juga berpeluang menerima sumbangan RM500 apabila mencapai Purata Nilai Gred 3.50 dan ke atas pada setiap semester.

“Ia baharu diperkenalkan pada tahun ini sebagai dorongan agar mengekalkan kecemerlangan sehingga tar

“Yayasan UMP sentiasa agresif untuk mencari dana bagi membolehkan lebih ramai mahasiswa menerima

“Sehingga kini, dana diperoleh daripada beberapa sumber termasuklah syarikat korporat, sumbangan Rakyat, alumni dan orang ramai,” ujar beliau.

Sementara itu, bagi Muhammad Firdaus Nor Hamda, 22 yang berasal dari Jerneh, Terengganu amat terpuji sumbangan Yayasan UMP untuk menampung urusan pendaftarannya serta perbelanjaannya.

Beliau yang merupakan anak ketiga dari lapan adik-beradik ini bersyukur kerana dapat menyambung pelajaran (Kepujian) Kejuruteraan Pembuatan.

Menurutnya, pada awalnya dirinya berbelah bagi untuk menyambung pengajian mengenangkan pendapatan pencen arwah ayahnya.

“Namun, atas nasihat ibunya beliau meneruskan pengajian.

“Ibu berpesan dengan pelajaran akan menjadi bekalan untuk kehidupan pada masa depan. Insya-Allah saya dapat pengajian sehingga berjaya dan dapat membantu keluarga pada suatu masa nanti,” katanya.

Kunjungan MDEC bincang Projek Sekolah Inovasi Masa Depan

Oleh: MOHD. RAIZALHILMY MOHD RAIS, PUSAT JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (ICoN)

Delegasi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) berkunjung ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk membincangkan berkenaan inisiatif mewujudkan Sekolah Inovasi Masa Hadapan di universiti tersebut. Projek ini dikenali sebagai ‘Innovators’ [School@UMP](#) untuk memupuk bakat tempatan dalam teknologi dan inovasi.

Bagi Naib Presiden (Pembangunan Bakat Digital) MDEC, Dr. Sumitra Nair, inisiatif ini adalah selari dengan satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melengkapkan gred yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja.

Selain itu, ia juga sebagai pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya khususnya pada abad ke-21.

Sementara Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff menegaskan berkenaan penerapan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di peringkat nasional ini dilihat bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2021-2025.

“UMP merupakan salah sebuah Universiti Awam (UA) yang terlibat dalam projek Pembangunan Profesionalisme yang menyediakan guru dan memastikan mereka mempunyai pendekatan pengajaran yang betul dalam Sains Komputer,” katanya.

Turut sama dalam perbincangan ini adalah Dekan Kanan Kolej Komputeran dan Sains Gunaan, Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin dan Pengarah Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN), Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin dan Pengarah Pusat Penyelidikan, Profesor Madya Ir. Dr Chin Sim Yee.

MDEC juga turut bekerjasama dengan agensi swasta dan institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam Pelaksanaan salah satu daripada *Digital Maker Hub*. Kurikulum diintegrasikan dan pelajar didedahkan dengan digital making.

Pendaftaran digital sesaat, pelajar baharu UMP mendaftar se

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan pendaftaran secara digital kepada seramai 460 pelajar baharu dalam sesi pendaftaran yang berlangsung di kedua-dua kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada hari pendaftaran pengajian prasiswazah.

Dengan kemudahan aplikasi pendaftaran menggunakan Sistem Baharu *Mobile Apps eRegistration* bersempena ini, membuat pelajar untuk mendaftar dengan mengambil masa sesaat sahaja.

Mereka hanya perlu memaparkan Kod QR pada telefon bimbit masing-masing dan petugas akan mengimbas.

Pelajar baharu UMP boleh mula memuat turun aplikasi ini namun pendaftaran masih boleh dilakukan dengan menggunakan slip asrama juga turut disediakan Kod QR untuk kegunaan pada hari pendaftaran ini.

Pada sesi pendaftaran kali ini, universiti turut menerima seramai 28 pelajar antarabangsa antara termasuk dari Mauritius, Yaman dan China.

Manakala seramai 36 pelajar antarabangsa daripada Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) Jerman, Demirel University (Kazakhstan), United International University (Bangladesh), Universitas Negeri Semarang dan Kongu Engineering College (India) bakal mengikuti program mobiliti selama satu semester di UMP.

Pada masa yang sama, Yayasan UMP turut menyampaikan sumbangan Insentif Pendidikan UMP dan insentif dari Rakyat buat 16 pelajar yang berkelayakan.

Sumbangan telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Perkhidmatan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Madya Dr. Mansur Sulaiman me berada di UMP Gambang. Hadir sama di Pejabat Kolej Kediaman 3 adalah Pengarah Pusat Kesihatan Univ

Berikutan dengan keprihatinan UMP berhubung sebarang risiko ancaman penyebaran jangkitan sepe kalangan warga universiti mahupun rakyat Malaysia secara umum, baru-baru ini pengurusan UMP tel langkah proaktif bagi pencegahan dan pengawalan maksimum memandangkan universiti turut mempunyai

Buat masa ini, semua aktiviti dan perjalanan bagi staf dan pelajar ke China dan negara-negara yang te penularan wabak *Novel Coronavirus (2019-nCov)*.

la termasuklah menasihatkan staf dan pelajar yang akan ke China agar membuat penangguhan perjalanan terhadap warga UMP yang baru kembali dari China sama ada yang kembali daripada cuti semester atau pe

Menurut Dr. Khairul, pihak universiti turut meminta pelajar yang kembali daripada cuti semester atau saringan kesihatan setempat di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sebelum meneruskan aktiviti masing-mas

“Selain mengikuti prosedur saringan kesihatan di lapangan terbang oleh Kementerian Kesihatan Mala saringan kesihatan di universiti bagi memastikan tiada ancaman dan risiko terhadap warga UMP yang lain,

UMP turut mengambil langkah proaktif dengan mengedarkan maklumat mengenai langkah pencegahan Kesihatan Sedunia (WHO) dan KKM.

Manakala Pusat Kesihatan Universiti (PKU) juga sentiasa berhubung rapat dengan Pejabat Kesihat perkembangan terkini mengenai wabak ini melalui saluran rasmi universiti.

Penyedut minuman straw Jauhar mesra al

Menyedari kepentingan bagi memelihara pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada pengg menggantikan penyedut minuman sedang diusahakan memandangkan straw daripada bahan plastik meng samping mencemarkan alam serta boleh mengancam hidupan di bumi.

Baru-baru ini, sekumpulan mahasiswa daripada Sekretariat Ikatan Siswa Anak Darul Ta'azim (ISKAN berjaya menghasilkan penyedut minuman daripada bahan semula jadi iaitu tumbuhan akuatik atau dinamai

Tumbuhan akuatik yang digunakan adalah sejenis rumput yang mempunyai ciri seperti rumput danau ata seperti di sawah ataupun paya yang banyak terdapat di negeri di Pantai Timur.

Bagi mahasiswa UMP, Nurul Farah Anisa Hairolnizam yang juga Pengarah Projek Jauhar *Straw* berkata merupakan sebuah inisiatif bagi mencari alternatif untuk mengurangkan penggunaan penyedut minuman pl

“Pada awalnya ia adalah merupakan sebuah projek daripada Program Mahasiswa Harapan Masyarakat UMP (YPJ) yang bertujuan untuk melatih mahasiswa untuk menjadi penggerak bagi membantu menaik taraf hidup

“Pada masa ini, penghasilan straw dibuat oleh pelajar UMP sendiri dan tidak menggunakan mesin.

“Selain itu, melalui projek ini akan dapat memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan projek ini di sekitar,” katanya.

Bagi Dr. Suryati Sulaiman yang merupakan Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada Fakulti Pertanian, penyelidikan berkaitan potensi pokok kercut ini telah dijalankan menerusi projek penyelidikan *Phytogreen* oleh Dr. Razak pada tahun 2012.

“Kemudiannya kajian secara berperingkat-peringkat sehinggalah terhasilnya Straw Jauhar ini sekitar tahun 2015.

“Sebelum ini dinamakan pokok Kercut banyak digunakan bagi penghasilan kraf tangan termasuk anyaman. Projek ini diketuai oleh Dr. Razak yang juga Penasihat Utama Projek Jauhar Straw ini.

Ujarnya, dalam memastikan ia selamat digunakan terdapat lapan proses perlu dijalankan dan diuji tahap keselamatan. Tahap keselamatan termasuk membersihkan, memotong mengikut saiz, membuang selaput dalam batang menggunakan sejenis berus khas dan mengkilap straw dengan menggunakan minyak tertentu.

Dalam pada itu, Timbalan Pengurus Projek Mahasiswa Harapan Masyarakat UMP, Muhammas Haziq Huzaimi berkata, pihak YPJ ini telah memberi peluang mahasiswa mendekati masyarakat, penduduk kampung dan belia.

Ciptaan inovasi ini turut memberi pekerjaan kepada golongan sasaran untuk menjana pendapatan sendiri di sekitar. Pihaknya amat menghargai sokongan pihak YPJ terutamanya Pengurus Besar YPJ. Hal ini menunjukkan kepercayaan kepada mahasiswa UMP dalam menjayakan projek ini.

Pada masa ini terdapat pelbagai penyedut minuman alternatif dalam pasaran antaranya penyedut kertas dan penyedut plastik. Terdapat juga penyedut berasaskan bahan daripada beras dan ubi kayu sebagai pilihan.

Khairull sedia perkhidmatan kenderaan dalam kampus b

Bermula dengan hasrat membantu mahasiswa mendapatkan kemudahan pengangkutan dalam kampus, Khairull telah memulakan perniagaan kereta sewa di dalam kampus. Beliau merupakan salah seorang pengusaha kereta sewa di dalam kampus.

Dengan berbekalkan pengalaman pernah bekerja bersama pengusaha kereta sewa menjadikan mahasiswa Khairull berminat untuk memulakan perniagaan kereta sewa. Proses, Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini mula berjinak-jinak mengusahakan perniagaan kereta sewa.

Mengimbuai kembali penglibatan awal dalam perniagaan, Khairull telah meminjam kenderaan milik keluarga untuk menjalankan perniagaan walaupun agak perit disebabkan keadaan kereta yang memerlukan banyak kos.

Dengan berbekalkan pinjaman yang diperolehi dan duit simpanan sewaktu bekerja dahulu, beliau kini membeli kenderaan untuk disewa iaitu Axia, Viva, Kenari dan Myvi yang sesuai digunakan mahasiswa.

Bagi Khairull yang mesra disapa dengan panggilan Kerol, beliau terpenggil untuk membantu mahasiswa kerana kadang-kadang memerlukan pengangkutan untuk bergerak dengan lebih mudah.

Kadar yang dikenakan juga tidaklah semahal kereta sewa di luar yang menggunakan sewaan harian sebab mengikut jam yang bermula dari RM6 hingga RM10 bergantung kepada jenis kenderaan.

Kereta sewa juga diletakkan berhampiran dengan mahasiswa bagi memudahkan mereka mengambil dan mengembalikan kereta kepada pelanggan luar.

Tambah beliau, seorang mahasiswa perlu berani mencuba dan menyediakan perancangan yang bijak untuk memulakan perniagaan.

“Selain itu mencabar diri untuk keluar dari kepompong keselesaan. Biar kita merasa susah dan sukar dengan pengalaman ini pastinya sangat berharga,” ujarnya yang sangat mengutamakan keselamatan agar kenderaan tidak dipandu.

Khairull berkata, tipulah andai tiada cabaran atau kepayahan yang ditempuhinya memandangkan perniagaan kereta sewa tumbuh selepas hujan namun itu bukanlah penghalang buatnya.

Tambahnya lagi, kehilangan pelanggan sewaktu cuti semester merupakan antara cabaran yang perlu diterangi oleh pihaknya menerima permintaan kereta sewa daripada mahasiswa lain dari institusi pengajian tinggi berdekatan.

Selain itu, universiti juga banyak menyediakan peluang buat mahasiswa menceburi bidang perniagaan dan usahawan yang berjaya dalam keusahawanan.

Mengulas lanjut mengenai perancangan masa hadapan, Khairull turut berhasrat untuk membuka cawangan kereta sewa di samping mencari rakan kongsi untuk melebarkan sayap di Kuala Lumpur.

Beliau juga memasang impian untuk melebarkan perniagaan ini dengan membuka kedai cuci kereta dan mencuci kereta menampung kos penyelenggaraan dengan lebih murah.

Dilahirkan dalam keluarga yang sederhana menjadikan Khairull, nekad untuk mengubah nasib keluarganya walaupun masih bergelar mahasiswa.

Anak lelaki tunggal dalam keluarga ini menggunakan duit hasil perniagaan untuk menampung segala perbelanjaan dan dihidulurkan buat keluarga di kampung.

Tidak hanya memfokuskan kepada satu perniagaan, beliau turut menjual minyak wangi dan perkhidmatan rakan-rakan lain.

Minat terhadap STEM, Kamil Khalili cipta pelbagai program

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN MEDIA

Minat yang mendalam terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) banyak memengaruhi Kamil Khalili, Katedra Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automatif (FTKMA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kamil Khalili mencipta pelbagai program sebagai usaha memupuk minat pelajar sekolah terhadap mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik di sekolah.

Penglibatan secara aktif dalam projek mySTEM Mentor, Pahang National Hackathon dan Foxhunting sains telah membuat Kamil Khalili akhirnya dipilih menerima Anugerah Tokoh Siswa dalam Kluster Pembangunan Akademik dan Intelektual berprestasi.

Menurut Kamil, semua pelajar wajar diberi peluang untuk mencuba dan mendalami bidang STEM tidak terkecuali kerana ia merupakan satu bidang yang sangat seronok untuk dipelajari dan digunakan tidak kira sekadar hobi mahupun sebagai persiapan mendepani revolusi perindustrian 4.0.

“Kaedah yang berkesan untuk menyokong pendidikan STEM adalah dengan menyediakan pembiayaan dan peralatan yang diperlukan, pengangkutan, sumber seperti komponen elektronik atau komputer riba dan juga latihan kepada mentee. Beliau juga mengajar agar pelajar dapat memahami dengan lebih mudah,” ujarnya.

Selain dari penglibatan sebagai mentor dan fasilitator bagi program-program berkaitan STEM, anak kelainan Kamil Khalili turut terlibat dalam penghasilan kit dan modul pengajaran berkaitan teknologi robotik dan asas bahasa pengaturcaraan.

Dalam pada itu, dorongan dan sokongan para pensyarah UMP turut memberikan mahasiswa lebih banyakkalangan ini.

Beliau juga dalam rangka kerja menyiapkan buku panduan bagi *beginner* dalam menggunakan *Raspberry* pelajar sekolah.

Buku ini juga akan menerangkan mengenai programming dan robotik yang mana *programming* yang paling banyak digunakan di dunia. Manakala robotik pula akan menyetengahkan cara robot bertayar.

Kamil Khalili pernah diobatkan johan dalam pertandingan Inovasi Yo! anjuran TV3 pada tahun 2012 dan *Invention, Innovation & Design Exposition (IIDEX)* pada tahun yang sama.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kandungan yang dikirimi melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimi akan dipertanggungjawabkan dan dikembalikan. Sumbangan karya boleh diarahkan kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



• 99 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

